
Tajuk: Penerokaan Terhadap Amalan Pengurusan Keperluan Murid B40

Erne Hayaty Osman¹, Bity Salwana Alias²

¹ Pentadbiran Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor DE
E-mail: p11321@siswa.ukm.edu.my

^{2,3} Pusat Kajian dan Polisi Pendidikan, Univesiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor DE
E-mail: bity@ukm.edu.my

Abstrak

Isu berkaitan murid B40 masih berterusan walaupun banyak pihak mendakwa usaha telah dilakukan bagi meningkatkan motivasi murid B40 terhadap pendidikan. Tinjauan awal pula mendapati tiada garis panduan tertentu dalam mengurus atau memotivasi murid B40 terhadap pendidikan melainkan bantuan yang diberikan bagi meringankan bebanan ibu bapa murid B40 dalam menyediakan keperluan anak-anak mereka untuk belajar. Pandangan yang menyatakan manusia boleh dimotivasikan untuk mencapai tahap yang lebih baik dalam kehidupan apabila keperluan mereka telah dipenuhi menjadi asas untuk kajian ini dilaksanakan. Justeru, tujuan kajian ialah meneroka sejauh mana pentadbir sekolah rendah dan menengah di daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak mengurus murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia khususnya bagi memotivasikan murid-murid B40 terhadap pendidikan. Kajian tinjauan ini melibatkan 6 orang pentadbir yang ditemu bual secara bersemuka. Instrumen kajian adalah protokol temu bual manakala data yang dikutip telah dianalisis secara manual. Dapatan menunjukkan, enam orang pentadbir di daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak lebih berfokus kepada memenuhi tingkat keperluan yang paling asas iaitu mengurus bantuan kewangan untuk murid-murid B40 termasuklah untuk mempunyai pakaian sekolah dan mendapat makanan sebelum memulakan persekolahan. Dapatan juga menunjukkan dalam mengurus keperluan asas iaitu wang, makanan dan pakaian tersebut wujud juga isu dan cabaran lain yang berkaitan dengan syarat dan kelayakan untuk memohon bantuan, cara agihan yang kurang menepati, sistem pengurusan yang tidak menyeluruh dan ketiadaan jawatankuasa yang khusus bagi membantu mengurus murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia. Antara implikasi kajian ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Malaysia (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah perlu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam mengurus keperluan murid B40 agar motivasi mereka terhadap pendidikan dapat ditingkatkan. Bagaimanapun, kajian lanjutan adalah perlu bagi menguji sejauh mana amalan pengurusan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia mempengaruhi motivasi murid B40 terhadap pendidikan.

Kata Kunci : Pendidikan, amalan pengurusan, tingkat keperluan manusia, murid B40, sekolah rendah, sekolah menengah

I. PENGENALAN

Pengurusan ialah bidang yang bertujuan untuk memastikan pengurusan dilaksanakan melalui individu atau organisasi, dengan cekap dan berkesan. Kajian pengurusan yang melibatkan pelbagai bidang adalah sangat menarik untuk diterokai. Pengurusan didefinisikan sebagai proses yang melibatkan perancangan, pengorganisasian, pengawalan sumber-sumber dan melibat kepimpinan untuk mencapai proses organisasi dengan efisien dan efektif (Richard L. Daft, 2006). Amalan pengurusan murid B40 mengikut lima tingkat keperluan manusia berdasarkan teori

keperluan Maslow (1954) seiring dengan matlamat dalam inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah amat ditagih. Di Malaysia, murid dari keluarga B40 juga didefinisikan sebagai murid B40. Keluarga B40 atau Bawah 40 merujuk kepada kumpulan pendapatan yang terendah di Malaysia. 40 peratus daripada penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan penduduk yang mempunyai purata pendapatan yang melibatkan isi rumah sebanyak RM 3860.00 di klasifikasikan kepada B40 (Allang, et al., 2019). Kajian ini memberikan implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir di sekolah untuk

menyediakan keperluan mengikut tingkat keperluan manusia dalam memenuhi keperluan murid B40.

Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menyentuh mengenai pengurusan bantuan dan keperluan murid B40 perlu ditambahbaik mengikut tingkat keperluan manusia. Berdasarkan Buku Dasar Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2014), dasar-dasar yang berkait dengan murid B40 kebanyakannya adalah berbentuk bantuan pendidikan dalam bentuk wang tunai, pakaian seragam sekolah, makanan, barangan, dan pengangkutan. Merujuk kepada Teori Maslow (1970) pula, keperluan murid boleh dibahagikan kepada lima tingkat iaitu keperluan asas (makanan, pakaian, tempat tinggal), keperluan kasih sayang, keperluan keselamatan, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna sendiri. Bantuan yang diberikan kepada murid B40 sebagaimana yang telah dinyatakan, menggambarkan fokus diberi untuk memenuhi keperluan asas (fisiologi) sahaja. Sedangkan kesempurnaan hidup manusia memerlukan semua keperluan dipenuhi. Ini bermaksud, selain memberi fokus kepada keperluan fisiologi, pelaksanaan dasar juga perlu memberi penekanan kepada keperluan yang lain agar dasar yang menyentuh bantuan kepada murid B40 memberi kesan terhadap pembangunan holistik murid selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Aspirasi Murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Kajian-kajian terdahulu hanya berfokus kepada kajian yang berkaitan dengan bantuan-bantuan asas yang diterima oleh murid B40 dan kemenjadian murid. Ini disokong oleh dapatan kajian Nor Azrul & Noordeyana, (2018) yang menyatakan kemiskinan menjadi punca penghalang untuk mendapat peluang status sosioekonomi yang lebih baik seperti keperluan asas, tempat tinggal, pendidikan, makanan dan sebagainya. Kajian Kitha (2021) turut menunjukkan bahawa 80% anak yang tinggal di daerah ini hanya memiliki SPM sebagai tingkat pendidikan tertinggi. Hal ini berlaku kerana dek kemiskinan dan pengabaian pendidikan oleh ibu bapa kerana pendapatan mereka rata-rata RM3000 dan kebawah yang melibatkan populasi kajian 86% dari populasi tinggal di Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Putrajaya, di mana hingga daerah tersebut. Justeru, terbukti dengan kajian Zuraidah et. Al (2019), kanak-kanak dari keluarga miskin memerlukan bantuan kewangan daripada ibu bapa dalam bentuk peruntukan kewangan untuk membiayai pendidikan mereka. Masalah kewangan menjejaskan pendidikan murid B40, ini turut disokong oleh kajian Subra, et al., (2019) juga menyatakan bahawa faktor kewangan menjadi punca ibu bapa memberhentikan persekolahan anak mereka kerana tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan persekolahan mereka. Namun, keperluan kasih sayang, keperluan keselamatan,

keperluan penghargaan dan keperluan sempurna sendiri perlu diberikan perhatian. Hal ini kerana, setiap murid ini juga memerlukan sokongan ibu bapa, sokongan dan bantuan guru, sokongan emosi dan motivasi secara berterusan dalam memenuhi tingkat keperluan manusia.

Walaupun kerajaan sentiasa mengambil pelbagai alternatif untuk mewujudkan ekuiti pendidikan yang terbaik, namun dalam menguruskan pendidikan murid B40, isu keciciran, ketidakhadiran dan pencapaian akademik yang rendah sering menjadi perbincangan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, BPPDP, Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM, 2016; Julian@Juliana & Mohd Izham, 2020). Kajian terkini oleh Muhammad Asyraf dan Bity Salwana (2020) di negeri Kelantan iaitu di Zon Timur menemukan dapatan kemenjadian murid B40 masih pada tahap yang rendah. Kajian juga mendapati minat dan sikap murid B40 terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga tidak begitu memberangsangkan. Ini menyokong dapatan kajian Abdul Jawi et al. (2013) bahawa kebanyakan murid yang berpencapaian akademik rendah adalah murid Melayu miskin (B40).

Malah, kajian terdahulu juga menunjukkan terdapat jurang dalam pencapaian akademik antara murid B40 di luar bandar dengan murid lain di bandar, dan didapati peratus kehadiran ke sekolah yang rendah dalam kalangan murid B40 adalah antara faktor yang menyebabkan pencapaian akademik yang rendah tersebut (BPPDP, KPM, 2017). Namun, isu sebenar berkait murid golongan B40 ialah kualiti pengurusan pendidikan yang mereka terima. Tidak dinafikan sukatan pelajaran mungkin agak tinggi berbanding dengan aras penguasaan mereka namun peranan guru dalam meningkatkan minat dan sikap murid terhadap PdP turut menyumbang kepada minat dan sikap murid serta pencapaian mereka (BPPDP, KPM, 2016). Persekitaran yang tidak menyokong dan konsep sendiri yang rendah boleh menghalang proses perkembangan potensi murid. Justeru, aspek keperluan kasih sayang, keperluan keselamatan, keperluan harga diri, dan keperluan sempurna sendiri perlu diberi perhatian dalam dasar yang berkait dengan pengurusan pendidikan murid B40 ini.

Kajian ini dilaksanakan atas kesedaran bahawa adalah penting untuk menyediakan input kepada pihak Kementerian Pendidikan bagi merealisasikan pendidikan berkualiti untuk murid B40 melalui penambahbaikan dalam menguruskan murid B40 mengikut tingkat keperluan manusia. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka amalan pengurusan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia. Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Sejauh manakah keperluan murid B40 diuruskan berdasarkan tingkat keperluan manusia?
2. Apakah cabaran yang dihadapi dalam mengurus keperluan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia?
3. Apakah strategi yang digunakan dalam mengurus keperluan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia?

Artikel ini keseluruhannya mempunyai empat bahagian. Pertama, bahagian pengenalan yang melibatkan perbincangan seperti diatas. Kedua, kertas ini akan membincangkan kajian literatur, metodologi, dapatan dan perbincangan. Akhirnya, perbincangan yang melibatkan implikasi dan cadangan yang boleh dijadikan kajian lanjutan pada masa akan datang.

II. KAJIAN LITERATUR

A. Teori Keperluan Maslow

Pengurusan di definisikan ialah proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber-sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi secara efektif dan efisien (Richard L. Daft, 2006). Bagi memenuhi keperluan murid B40, teori hierarki keperluan Maslow (1954) boleh digunakan sebagai panduan. Terdapat lima keperluan Maslow iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri dan keperluan kesempurnaan sendiri.

Keperluan fisiologi ialah tingkat yang apaling asasa yang perlu dipenuhi oleh setiap manusia. Keperluan asas yang perlu dipenuhi yang bersifat biologi seperti makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal, rehat dan tidur, seks dan lain-lain. Justeru jika keperluan ini tidak dipenuhi maka, tingkat keperluan yang seterusnya tidak dapat dipenuhi. Menurut Nor Azrul & Noordeyana (2018) dalam konteks pendidikan, kemiskinan yang juga menjadi punca penghalang untuk mendapat peluang status sosioekonomi yang lebih baik seperti keperluan asas, tempat tinggal, pendidikan, makanan dan sebagainya. Hal ini menunjukkan segelintir murid tidak dapat ke sekolah kerana masalah kewangan di mana mereka tidak mampu membeli buku teks, baju seragam sekolah, kasut sekolah, peralatan tulis dan keperluan asas untuk persekolahan. Terdapat juga murid yang tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran mereka kerana mereka tidak mendapat makanan yang mencukupi sehingga menjejaskan kesihatan mereka. Hal ini terjadi kepada mereka yang mempunyai keluarga yang besar. Oleh itu, ibu

bapa serta guru dan orang sekeliling perlu bekerjasama dan bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan fisiologi murid agar kemenjadian diri mereka di tahap maksima dan cemerlang.

Keperluan kasih sayang datang selepas keperluan fisiologi dipenuhi. Apabila keperluan fisiologi telah dipenuhi, murid-murid akan mengalihkan perhatian mereka ke orang di sekeliling untuk mendapatkan kasih sayang. Faktor-faktor seperti motivasi yang mendorong murid untuk berjaya, sahsian dan disiplin murid, dan hubungan yang baik antara ahli keluarga mempengaruhi personaliti, motivasi, dan prestasi akademik kanak-kanak yang masih bersekolah. Keperluan fisiologi sahaja tidak cukup kerana mereka perlukan sokongan dan kasih sayang terutama daripada orang tua dan guru. Keperluan ini diperlukan untuk mewujudkan hubungan yang mesra, kasih sayang dan penghargaan diri. Sesetengah masalah timbul apabila murid-murid B40 luar bandar tidak dapat memahami atau mempunyai pengertian lambat dalam pelajaran sehingga menguji kesabaran guru mereka. Hal ini tidak boleh disalahkan ke mana-mana pihak kerana kemungkinan silibus pelajaran yang agak tinggi buat mereka. Menurut Rusmati (2017), minat mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembelajaran, guru perlu menyediakan bahan yang kreatif dan menarik bagi menarik minat mengikut kesesuaian dengan aras dan minat murid, jika guru selalu memarahi atau menepikan mereka, maka murid-murid tersebut akan kehilangan minat atau keinginan untuk belajar kerana tidak ada daya penarik untuk memastikan pendidikan menjadikan keutamaan kepada murid B40. Penghargaan diri adalah sangat penting kerana murid dapat memotivasikan diri mereka dengan sendirinya bagi mendorong dan membantu murid untuk melakukan sesuatu yang lebih baik, samaada keadaan sedar mahupun tidak sedar. Menurut Khalid et al. (2018), anak-anak B40 ini kurang motivasi untuk berjaya dalam pendidikan dan melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Hal ini kerana majoriti ibu bapa berlatar belakang pendidikan yang lebih rendah sehingga mereka termotivasi dengan sendirinya.

Keperluan sempurna sendiri merujuk kepada keperluan ke arah kesempurnaan diri untuk mencapai impian dan cita-cita mengikut potensi yang ada didalam diri manusia. Murid B40 wajar diberikan peluang dan galakan agar mencapai cita-cita dan keingan sendiri untuk lebih berjaya dalam kehidupan Muhammad dan Bity Salwana (2019). Pihak pentadbir harus memainkan peranan dalam memastikan murid B40 diberikan peluang untuk menetapkan hala tuju mereka dalam mencapai

kejayaan dalam pendidikan. Dengan memahami teori keperluan Maslow, pengurusan murid B40 dapat diurus dengan lebih tepat mengikut tingkat keperluan manusia sebagai panduan yang akan menjadikan murid B40 lebih cemerlang dalam bidang pendidikan. Rajah 1 Teori Keperluan Maslow (1954).



Rajah 1 Teori Keperluan Maslow (1954).

III. KAEDAH PENYELIDIKAN

A. Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kualitatif. Kedah temubual digunkan dengan pentadbir serta guru yang menguruskan keperluan murid B40 dan murid B40 bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat.

B. Peserta Kajian

Penglibatan peserta ialah seramai enam orang peserta terlibat yang terdiri daripada pentadbir yang menguruskan keperluan murid B40. Peserta kajian ini dipilih menggunakan pensampelan bertujuan di mana pensampelan ini dipilih bagi mendapatkan responden dengan ciri-ciri yang sama (Chua, 2012). Kriteria pemilihan peserta ialah pentadbir dan guru yang terlibat dengan pengurusan dasar pendidikan dalam mengurus keperluan murid B40 dan bersedia secara sukarela untuk terlibat dengan kajian. Kriteria yang ditetapkan dalam pemilihan peserta kajian adalah sangat penting supaya individu yang dipilih mempunyai sumber maklumat dengan kefahaman yang mendalam dalam isu yang dikaji, Merriam&Tisdell (2015). Jadual 1.

Jadual 1 Jadual [2]

Bil	Jawatan	Kod Pentadbir
1	Guru Besar SK	P1
2	Guru Besar SJKC	P2
3	Penolong Kanan HEM, SMK	P3

4	Penolong Kanan HEM, SMK	P4
5	Pengetua, SMK	P5
6	Penolong Kanan HEM SABK	P6

C. Lokasi Kajian

Lokasi kajian di jalankan di Daerah Kinta Utara yang melibatkan pelbagai jenis sekolah iaitu dua buah sekolah rendah terdiri dari sekolah rendah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) dan sekolah menengah yang terdiri dari tiga sekolah menengah kebangsaan (SMK), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), sekolah berasrama penuh di lokasi bandar dan luar bandar di Ipoh, Perak. Hal ini adalah kerana sekolah-sekolah yang di pilih mempunyai bilangan murid B40 yang melebihi 40% daripada jumlah murid yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar di Daerah Kinta Utara.

D. Instrumen Kajian

Pengumpulan data yang digunakan untuk temu bual ialah merujuk kepada panduan protokol temu bual sebagai instrumen dalam kajian ini. Protokol temu bual dibentuk berdasarkan Creswell (2014) iaitu mempunyai perkara-perkara yang pertama pengenalan. Seterusnya kandungan temu bual yang merujuk kepada persoalan kajian dan seterusnya penutup. Kandungan temu bual adalah berkaitan dengan persoalan untuk meneroka amalan pengurusan pendidikan yang melibatkan keperluan murid B40.

E. Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Data dikumpulkan daripada temu bual separa berstruktur. Pengkaji boleh memperolehi sejumlah data yang yang mencukupi, meluas dan mendalam dengan menggunakan cara yang mudah iaitu temu

bual separa berstruktur kerana teknik ini, Creswell (2012).

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan kajian, protokol temu bual dibangunkan Yin (2012). Protokol temu bual telah disemak oleh tiga pakar, iaitu i) pakar kajian kualitatif dalam pengurusan, ii) dua orang pakar dalam pengurusan pendidikan dan iii). Pakar bersetuju dan yakin sesi temu bual mampu menjawab persoalan kajian.

Temu bual dijalankan menggunakan kaedah temu bual semi-berstruktur dan dilaksanakan secara bersemuka. Namun begitu, cara, turutan dan bentuk soalan boleh diubah atau ditambah, bergantung kepada reaksi dan tindak balas yang diberikan oleh responden kajian. Menurut Ghaziah et al. (2012) menyatakan kaedah temu bual semi berstruktur bersifat lebih fleksibel di mana ianya membenarkan pengkaji menanyakan soalan berbentuk spontan, mendalam atau balasan kepada reaksi responden terhadap soalan awal atau soalan yang terdahulu bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih mendalam. Oleh itu, kaedah ini dipilih kerana pengkaji bebas untuk menambah dan mengawal struktur soalan bergantung kepada respons daripada informan kajian. Temu bual dilaksanakan antara 30 minit hingga 45 minit menggunakan Bahasa Melayu. Proses temu bual direkodkan menggunakan aplikasi rakaman audio di telefon bimbit.

F. Analisis

Dalam proses penganalisaan data, terdapat tiga proses utama yang dirujuk daripada Mohd Mursyid (2016) iaitu (i) pengurusan data, (ii) penulisan transkripsi data dan (iii) penganalisaan data. Pada peringkat pertama, selepas sesi temu bual dijalankan, data perlu diuruskan dengan sistematik. Bagi tujuan ini, satu fail telah dibentuk bagi setiap informan yang mengandungi latar belakang informan, maklumat perhubungan, rakaman temu bual dan transkripsi temu bual. Proses seterusnya adalah membuat transkripsi data. Proses ini melibatkan pemindahan setiap patah perkataan dalam bentuk transkrip termasuklah katakata, perbualan selingan dan sebagainya. Proses ini memerlukan peruntukan masa yang panjang dan penumpuan pendengaran yang baik bagi memastikan setiap perbualan dalam rakaman dapat dicatat dengan sepenuhnya dalam transkrip temu bual. Creswell (2013) mencadangkan pengurusan transkrip temu bual seperti yang berikut: i) menyusun data dengan membaca secara berulang kali bagi mendapatkan maklumat penting ii) memberikan kod tertentu mengikut kenyataan informan., iii) mengenal pasti kategori dan mengaitkan kategori dan iv) membentuk tema. Menurut Silverman (2013), hanya kod yang berkaitan dan signifikansahaja yang perlu dipilih bagi pembentukan kategori. Akhirnya, tema

dibentuk untuk menjawab persoalan bagi mencapai objektif kajian.

IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan untuk persoalan kajian ini adalah berdasarkan teori keperluan manusia oleh Maslow (1970) iaitu keperluan asas (fisiologi), keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna sendiri.

Sejauh manakah keperluan murid B40 diuruskan berdasarkan tingkat keperluan manusia?

A. Keperluan asas (fisiologi) murid B40

Dapatan kajian ini menunjukkan pengurusan pendidikan berkait dengan bantuan kewangan dan barangan apabila soalan berkenaan pengurusan pendidikan murid B40 berdasarkan dasar sedia ada dikemukakan. Analisis data menunjukkan hampir semua sekolah yang dikaji (yang mempunyai majoriti murid B40) tidak berhadapan masalah dalam memenuhi keperluan asas dengan adanya peruntukan kewangan untuk makanan, pakaian dan tempat tinggal (asrama). Kajian Zuraidah et. al (2019), kanak-kanak dari keluarga miskin memerlukan bantuan kewangan daripada ibu bapa dalam bentuk peruntukan kewangan untuk membiayai pendidikan mereka. Berikut adalah dapatan yang diakui oleh pentadbir :

“.....bantuan yang diterima setiap tahun oleh pihak sekolah ialah Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Pinjaman Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP). Selain itu sebab kami pelajar asrama, jadi kita ada peruntukan yuran makan mengikut gaji ibu bapa.....” (P5)

“.....bantuan daripada pihak luar dan swasta pun ada contohnya zakat baitulmal, dan ADUN . Contohnya masa program Ziarah Cakna kami sampaikan barang-barang dapurseperti beras, minyak, gula, sardin dan biskut daripada penyumbang masa PKP banyak kita salurkan sebab sekolah ni ramai murid B40” (P1)

“ RMT ada untuk murid makan, tak ada masalah kalau tak ada duit poket ke sekolah”(P2)

B. Keperluan keselamatan murid B40

Analisis data yang menunjukkan tiada buli, pergaduhan dan ugutan terhadap murid B40 memberi makna bahawa keperluan keselamatan murid B40 telah dipenuhi. Walaupun pihak sekolah

tidak mengkhusus kepada murid B40 semata-mata, tindakan memastikan persekitaran sekolah yang selamat dan selesa dengan kemudahan yang lengkap memberi gambaran bahawa tiada kekurangan dalam amalan sekolah bagi memenuhi keperluan keselamatan.

“ Pihak sekolah sentiasa memantau kejadian buli disekolah.....” (P5)

“ Pihak sekolah melaksanakan program Sekolah ku Sejahtera untuk memastikan murid hadir ke sekolah dalam keadaan selesa...”(P4)

C. Keperluan kasih sayang murid B40

Analisis data menunjukkan amalan di sesetengah sekolah memenuhi keperluan kasih sayang atau perhatian adalah dengan mengadakan majlis sambutan hari lahir sahaja. Terdapat juga sekolah yang mewujudkan tabung tertentu yang membolehkan guru yang prihatin membantu murid B40. Namun pentadbir dan guru mengakui hubungan rapat yang wujud antara guru dengan murid dapat mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan murid B40. Peserta kajian menyatakan perkara yang sama,

“ Kita ada sambutan hari lahir, ini adalah antara program yang diuruskan oleh guru kaunseling”(P5)

“Program guru penyayang, sambutan hari lahir, mentor-mentee dan sebagainya untuk merapatkan hubungan murid dengan guru”(P6)

D. Keperluan penghargaan murid B40

Program seperti Anugerah Hari Kokurikulum, anugerah sahsiah dan akademik terbaik turut dilaksanakan namun semua program dan inisiatif kurang memberi fokus kepada kejayaan murid B40 sebaliknya lebih bersifat umum. Hal ini turut disokong dengan kajian Anak Manggie dan Yasin (2022) direka bentuk untuk menentukan tahap kefahaman dan amalan guru terhadap pendekatan sosial-emosi PdP di sekolah untuk membimbing pelajar B50 gagal lulus (GALUS). Hal ini menyebabkan murid B40 berasa kurang mendapat perhatian, kurang disayangi dan tidak mendapat peluang untuk menonjolkan diri.

“Pihak sekolah ada melaksanakan program yang memberikan Penghargaan kepada semua murid, Hari Anugerah Kecemerlangan dan lain-lain....tetapi program kecemerlangan dan motivasi kita libatkan semua murid.....”(P3)

“Setiap tahun kita ada Hari Anugerah untuk menghargai murid yang cemerlang dalam pelajaran”(P2)

E. Keperluan sempurna sendiri murid B40

Temu bual yang dilaksanakan memberikan input bahawa aspek ini kurang diberi perhatian oleh pihak sekolah. Terdapat juga sekolah yang menyatakan usaha bagi memenuhi keperluan ini sukar dengan ketiadaan peruntukan untuk mereka melaksanakan program yang bersifat memberi bimbingan, galakan, dorongan atau semangat kepada murid. Rata-rata sekolah kurang memberi fokus untuk menyedarkan murid bahawa mereka perlu mempunyai cita-cita atau impian bagi mencapai tahap yang lebih baik dalam kehidupan mereka termasuk bagi mengubah nasib keluarga. Penyataan ini disokong daripada penyataan yang menyatakan,

“Program sekolah menyeluruh mengikut untuk semua murid, setakat ini tiada yang fokus pada murid B40 sahaja.....”(P3)

“program motivasi melibatkan semua murid, kaunselor ada Rancang dan laksanakan mengikut takwim. Kita biasanya fokus kepada Akademik dan teknik menjawab”.(P4)

Manakala,

“Pihak sekolah cuma pastikan murid-murid ini dapat bantuan mengikut senarai muirid yang layak. Untuk program khas murid B40 memang tiada, sebab pihak sekolah tiada peruntukan atau dana khas untuk mereka”(P1)

Apakah cabaran yang dihadapi dalam mengurus keperluan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia?

A. Pengurusan Sistem Data Murid B40 Sedia Ada

Jawatankuasa yang menguruskan kebajikan murid B40 telah diwujudkan semenjak dahulu lagi bagi memastikan dasar pendidikan dapat diagih dengan baik. Namun, cabaran menggunakan aplikasi sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) tidak sync dengan pengkalan data di peringkat kebangsaan seperti e-kasih telah diwujudkan bagi menyelaraskan bantuan daripada pelbagai agensi yang diterima untuk murid sekolah. Oleh hal yang demikian, wujudnya isu yang berkaitan dengan data murid B40 yang tidak betul dalam sistem APDM. Hal ini diakui oleh peserta,

“.....isu penipuan data didalam APDM memang berlaku sebabnya ibu bapa atau penjaga masukkan maklumat gaji yang tidak betul sebab sekarang mereka yang perlu isi maklumat tu sendiri. Guru kelas akan sahkan sahaja sebab biasa ibubapa tak nak bagi slip gaji atau surat akuan gaji. Tapi bila datang ambil bantuan,

“kita memang nampak sebenarnya murid ini memang tidak layak terima bantuan” (P4)

B. Ketidakselarasan dalam Agihan Bantuan Sedia Ada

Merujuk kepada sumber perangkaan sebenar B40 boleh di kelaskan kepada beberapa kategori yang melibatkan perbezaan pendapatan. Namun, dalam dasar sedia ada murid B40 tanpa mengira kategori, mereka hanya layak mendapat satu bantuan sahaja. Hal ini menyebabkan terdapat murid yang benar-benar susah berhadapan kesukaran untuk bersekolah kerana banyak keperluan tidak dapat dipenuhi. Malah, terdapat bantuan yang mempunyai syarat-syarat yang tertentu yang menyukarkan murid-murid yang memerlukan tidak layak menerima bantuan kerana pelbagai kekangan yang wujud termasuk tidak boleh menerima bantuan lebih dari sekali.

“Setiap bantuan mempunyai syarat dan kelayakan yang ditetapkan untuk memohon, jadi pihak sekolah kena semak dan maklumkan pada murid yang layak tapi macam biasiswa memang murid tak boleh mohon lagi. Contoh macam Biasiswa Anak Perak, tapi sekarang bila ada BAP tu dapat la lebih sikit” (P3)

P4 dan P6 juga menyatakan hal yang sama iaitu,

“.....di sekolah kami memang ramai murid B40, jadi pihak pegurusan memang kena pilih bagi yang sangat memerlukan sebabkouta tak banyak, jadi memang ada murid yang tidak terima kerana.... kadang-kadang macam ada dana atau sumbangan dari persendirian kita letak nama murid-murid yang tak dapat pula...” (P4)

C. Penyalahgunaan bantuan pendidikan sedia ada

Bantuan yang diberikan kepada murid tidak digunakan sepenuhnya untuk tujuan pendidikan murid tetapi sebaliknya murid dan ibu bapa menyalahgunakan bantuan dengan menggunakannya untuk perkara-perkara yang tidak perlu. kajian yang dijalankan oleh Siti Masayu & Narimah Samat (2018) menunjukkan bahawa faktor kewangan yang disebabkan oleh pendapatan rendah ketua keluarga merupakan punca utama yang mempengaruhi tahap pendidikan rendah. Hal ini menyebabkan ibu bapa menggunakan peruntukan yang diterima sebagai mengurangkan beban mereka semata-mata tanpa dikaitkan dengan tanggungjawab untuk memastikan anak-anak untuk memanfaatkan untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan. Temu bual juga menemukan dapatan yang menyokong pernyataan seperti berikut:

“Pihak sekolah memang kenalpasti ada murid-murid yang selalu tidak hadir ke sekolah tapi

bila pihak sekolah maklumkan untuk agihan duit memang majoriti semua ibu bapa akan hadir. Ini memang senario iasa yang kita boleh lihat di sekolah ini” (P3)

Menurut Nor Azrul & Noordeyana (2018), pendidikan adalah agen terbaik dalam usaha mengubah status ekonomi keluarga. Namun, masih ada ibu bapa yang bersikap kurang mementingkan pendidikan sehingga tiada tindakan apabila anak-anak ponteng sekolah, terlibat dengan gejala negatif dan akhirnya menyebabkan anak-anak mereka hilang minat untuk berjaya dalam pendidikan dan dapat mengubah nasib keluarga. Justeru, ilmu keibubapaan adalah sangat penting dalam memastikan anak-anak dapat memanfaatkan bantuan untuk pendidikan yang berkualiti.

Apakah strategi yang digunakan dalam mengurus keperluan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia?

A. Mewujudkan Pelan Pengurusan Keperluan Murid B40

Panduan atau pelan pengurusan keperluan murid B40 perlu diwujudkan dan mengambil kira kepelbagaian yang wujud dalam kalangan murid B40 itu sendiri. Setiap sekolah perlu meningkatkan kecekapan dari segi memahami golongan B40 bagi memastikan kebajikan mereka terjaga.

“Garis panduan berkaitan agihan bantuan-bantuan yang perlu disediakan kepada murid B40 adalah termasuk wang tunai, kelengkapan seperti laptop, pakaian sekolah, dan uniform untuk kokurikulum dan bantuan dalam melaksanakan program motivasi, tuisyen dan sebagainya. Ini harapan kami sebagai pentadbir” (P5)

B. Pelbagai Bentuk Bantuan Murid B40

Bentuk bantuan yang diberikan perlu diperluaskan dan dikembangkan. Murid di negeri-negeri yang miskin, keutamaan mereka adalah makanan namun keperluan yang lain seperti keperluan kasih sayang tidak boleh diabaikan. Dasar bantuan sedia ada yang hanya fokus pada kewangan perlu ditambahbaik. Kesedaran ibubapa atau *mindset* ibubapa tentang B40 juga perlu diperbetulkan. Terdapat juga cadangan oleh pentadbir dan guru sekolah bahawa bantuan bukan dalam bentuk kewangan juga boleh diberikan kepada golongan M40.

“Pihak kementerian perlu meneliti kembali bentuk bantuan, Perkara ini sangat jelas bila kita berhadapan dengan PKP, murid B40 memerlukan peranti, capaian internet dan kemahiran ICT. Jadi bentuk Bantuan sedia tidak statik dan mengikut keperluan” (P4)

C. Meningkatkan Peruntukan Kewangan

Peruntukan yang diberi KPM tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pendidikan murid B40 namun dapat memahami juga bahawa jumlah peruntukan adalah berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan. Jawatankuasa yang dibentuk boleh mengemukakan perkara kepada Kementerian Kewangan untuk dibincangkan. Justeru ini juga menunjukkan sekolah amat berharap untuk melaksanakan program yang dapat meningkatkan sahsiah dan motivasi murid. Tanpa program yang khusus hasrat KPM sukar untuk dicapai.

“Peruntukan RMT sangat rendah, KPM wajar mempertimbangkan semula kerana peningkatan kos dan sara hidup” (P2)

“Pihak sekolah perlu mendapatkan dana dari pihak luar sebab pihak sekolah memerlukan peruntukan yang besar untuk melaksanakan program untuk murid-murid B40 khususnya. Pihak kami juga ada buat kutipan daripada kalangan guru bagi membantu murid-murid ini” (P4)

D. Pendidikan keibubapaan

Ibu bapa juga perlu diberi kemahiran untuk mengurus pendidikan anak-anak mereka dengan sebaik mungkin. Kursus ini juga akan memberi peluang kepada ibu bapa untuk mengemaskini maklumat tentang persekolahan anak-anak mereka dan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka mengubah nasib keluarga.

“.....terdapat ibu bapa yang kurang bertanggungjawab keatas pendidika malah mereka dengan sikap acuh tidak acuh terhadap sikap anak yang suka ponteng sekolah. Pihak sekolah pernah minta ibubapa hadir dan berbincang, namun pihak ibubapa tidak berminat untuk hadir” (P6)

“Bantuan yang diberikan untuk membeli keperluan anak juga digunakan untuk membeli barangan lain. Kita faham ada ibu bapa yang tidak bekerja dan mengharapkan bantuan untuk membeli beras dan sebagainya”. (P3)

Rumusan daripada dapatan ini ialah amalan pengurusan Murid B40 lebih berfokus kepada memenuhi keperluan tingkat yang pertama iaitu memenuhi keperluan asas yang berbentuk wang tunai atau barangan hanya memenuhi keperluan murid untuk jangka masa pendek. Inisiatif yang boleh memberi kesan jangka masa panjang seperti bantuan atau program bagi memenuhi keperluan kasih sayang, penghargaan dan sempurna sendiri seperti program motivasi khas untuk murid B40 kurang diberi fokus. Dapat dirumuskan juga bahawa dasar sedia ada lebih bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa murid B40 dalam menyediakan keperluan barangan dan yuran ketika awal

persekolahan iaitu bersifat jangka pendek berbanding inisiatif untuk membantu murid B40 mencapai tahap yang lebih baik dalam pendidikan berdasarkan lima tingkat keperluan manusia.

Pengurusan keperluan murid B40 yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan bagi mengurus lima tingkat keperluan berdasarkan Teori Maslow, 1970 boleh dijadikan asas dan panduan. Garis panduan yang perlu disediakan kepada murid B40 adalah termasuk wang tunai, barangan/kelengkapan seperti laptop, pakaian sekolah, dan uniform untuk kokurikulum dan malah bantuan dalam melaksanakan program motivasi, kerohanian, laluan pendidikan dan kerja, kemahiran yang boleh digunakan dalam kehidupan seperti kemahiran berkomunikasi, keusahawanan dan sebagainya. Implikasi kajian ialah memberikan dapatan yang sebenar yang dapat memberikan panduan untuk memenuhi tingkat keperluan murid B40 dalam pengupayaan kepimpinan, keupayaan guru, pengagihan tugas / fungsi daripada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, peranan agensi dan juga perana pihak swasta.

Cabaran yang berkait dengan pengurusan dan sistem KPM, penyalahgunaan bantuan, tiada analisis pengurusan murid B40 dan kekurangan ilmu keibubapaan wajar diberikan fokus dan ditangani dengan baik. Jika diperhalusi, isu yang wujud berkait dengan ibubapa dan keluarga murid B40. Ini kerana, menurut Ganesan (2013), ibu bapa yang mempunyai latar belakang tahap pendidikan yang rendah membawa kepada kehidupan yang mencabar, menghalang mereka daripada menumpukan perhatian kepada pendidikan anak-anak dan tercicir dari sekolah kerana tidak mempunyai daya tahan untuk menghadapi cabaran hidup. Ia juga mencetuskan langkah ke arah kurangnya minat dalam pendidikan dan keciciran. Malah, merujuk artikel oleh Sateesh Gouda (2014) menyatakan latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa turut berkaitan dengan tahap pencapaian anak. Dalam artikelnya, pelajar daripada keluarga yang mempunyai ibu bapa yang berkebolehan dan berpendidikan bertuah kerana pelajar ini mempunyai peluang yang tinggi dan terjamin untuk menamatkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Menurut kajian oleh Muhammad Asyraf dan Bity Salwana (2020) di negeri Kelantan iaitu di Zon Timur menemukan dapatan kemenjadian murid B40 masih pada tahap yang rendah. Kajian juga mendapati minat dan sikap murid B40 terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga tidak begitu memberangsangkan. Ini menyokong dapatan kajian Ngrambang (2012) bahawa kebanyakan murid yang berpencapaian akademik rendah adalah

murid Melayu miskin (B40). Kajian-kajian tersebut berkaitan dengan dengan kemenjadian murid. Justeru, kajian ini menyediakan maklumat yang membolehkan kerajaan bertindak secara proaktif dalam amalan pengurusan mengikut tingkat keperluan manusia, namun dapat menunjukkan pengurusan berfokus kepada memenuhi keperluan asas. Hal ini menunjukkan empat lagi tingkat keperluan kurang diberikan perhatian. Jurang yang sedia ada berkaitan dengan pengurusan pentadbir dan kemenjadian murid. Hal ini menunjukkan kajian yang akan datang boleh dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif yang dapat menguji hubungan antara amalan pengurusan berdasarkan tingkat keperluan manusia dengan kemenjadian murid. Melalui usaha ini, murid-murid B40 dapat menerima pendidikan yang lebih sempurna seiring dengan matlamat 'Pendidikan untuk semua'.

V. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini adalah relevan untuk dijadikan rujukan dalam menambah baik amalan pengurusan murid B40 dalam memenuhi tingkat keperluan manusia. Malah, dapatan kajian ini akan memberi dimensi baru yang perlu diambil kira dalam menambah baik pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan, khususnya untuk golongan B40 ini. Pengurusan adalah perkara yang sangat penting yang menjadi kunci kepada isu dan permasalahan yang berkaitan dengan memenuhi keperluan murid B40. Berdasarkan dapatan kajian ini akan dapat memberikan cadangan yang boleh diguna pakai oleh pihak kementerian, pihak berkepentingan, pengurusan pendidikan negeri dan daerah, mahupun pentadbir danguro sekolah dalam memperbaiki pengurusan dan agihan bantuan pendidikan kepada golongan ini.

PENAKUAN

Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Dr.Bity Salwana Alias dalam membantu dan membimbing dalam penghasilan artikel ini. Penghargaan buat suami, keluarga dan anak-anak serta rakan-rakan yang turut membantu dalam penghasilan artikel ini.



RUJUKAN [IEEE FORMAT]

- [1] Richard L.Daft (2006). Understanding Management. Academic Internet Pub Incorporated
- [2] Maslow, A. H. 1954. Motivation And Personality. New York, NY: Harper & Row Publishers

- [3] Allang, B.A., Awang, M.M., Ahmad, A.R., & Ahmad, A. (2019). Influenced factors of B40 students' academic achievement. In N.
- [4] Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025
- [5] Nor Azrul Mohd Zin, & Noordeyana Tambi. (2018). Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 119- 130.
- [6] Kitha Anjali. (2021). Keciciran dalam pendidikan di Malaysia. https://www.academia.edu/23788053/Keciciran_Dalam_Pendidikan_Malaysia
- [7] Rusmiati. (2017). Pengaruh Minat Belajar Terhadap Prestasi Belajar Bidang Studi Ekonomi Siswa Ma Al Fattah Sumbermulyo. *Jurnal Ilmiah Pendidikan dan Ekonomi*, 1(1), 21-36.
- [8] Khalid, M. A., Siti Nur Fatimahtul Maryam, A., Zouhair, R., & Endie Shazlie, A. (2018). *Children Without: A study or urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur*. Malaysia: United Nations Childrens' Fund.
- [9] Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam Shaharom, & Muhammad Faizal A.Ghani. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2).
- [10] Subra, T.H., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap keciciran pelajar-pelajar India: Kajian kes di daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91. DOI, 10.35631/IJMTSS.29007
- [11] Julian@Juliana George Jette & MohdIzham Mohd Hamzah.(2020). Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir

- Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1),171-179.
- [12] Muhammad Nur Asyraf & Bity Salwana Alias (2021). *Amalan Pengurusan Keperluan Murid Dalam Kalangan Pengetua dan Kemenjadian Murid B40 di Kelantan*.
- [13] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2016. *Kajian Murid Lemah Pencapaian Akademik*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [14] Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan (Buku 1): Kaedah Penyelidikan (Edisi Kedua)*. McGraw-Hill Education (Asia)
- [15] Merriam, S.B,& Tisdell, E.J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Edisi Ke-3. San Francisco, CA: John Wiley & Sons and Jossey Bass
- [16] Creswell, J. W. 2014. *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 4th Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publication, Inc.
- [17] Silverman, D. 2015. *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. Thousand Oaks: Sage Publications Inc
- [18] Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam Shaharom, & Muhammad Faizal A.Ghani. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2).
- [19] Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11-23.
- [20] Ngambrang, U A. 2012. *Implikasi Kepimpinan Pengajaran Pengetua, Kepuasan Kerja Dan Pengajaran Berkesan Guru Terhadap Prestasi Peperiksaan Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar Di Sarawak (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia, Sabah)*.

MAKLUMAT PENULIS

<p>First Author : Erne Hayaty Binti Osman</p> 	<p>Pentadbiran Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor D.E.</p> <p>E-mail: p113221@siswa.ukm.edu.my</p>
<p>Second Author: Bity Salwana Alias</p> 	<p>Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor D.E.</p> <p>E-mail: bity@ukm.edu.my</p>